

Tak patut Musa buat kenyataan ini — Mahathir

UM 16 OCT 1988

KUALA LUMPUR 15 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menafikan sebagai tidak berasas langsung dakwaan Datuk Musa Hitam mengatakan beliau akan mengadakan pilihanraya umum secara mengejut dalam jangka masa setahun dan mengisytiharkan darurat jika mendapati beliau akan kehilangan kuasa.

Sambil menyuarakan rasa dukacita dan perhatian beratnya ke atas dakwaan yang disifatkannya sebagai "nakal" itu, Perdana Menteri menegaskan ia tidak sepatutnya dibuat oleh seseorang yang bertanggungja-

wab terhadap negaranya sendiri.

Menurutnya, dakwaan seumpama itu semata-mata bertujuan untuk menjelaskan kestabilan negara dan boleh menyebabkan timbul kegelisahan di kalangan para pelabur dari luar dan dalam negeri yang boleh mendinginkan kesan buruk kepada negara.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan demikian sebagai mengulas ucapan bekas Timbalan Perdana Menteri itu di Kelab Wartawan Asing Hong Kong Rabu lalu di mana beliau antara lain membuat

LIHAT MUKA 11

Tak patut Musa buat kenyataan ini — Mahathir

dakwaan berkenaan.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO (baru) di sini petang ini Perdana Menteri berkata, sekalipun merasa sangat dukacita dengan dakwaan itu kerajaan tidak akan mengambil sebarang tindakan ke atas Datuk Musa kerana negara Malaysia adalah negara demokrasi di mana sesiapa sahaja boleh menyuarakan pendapat mereka.

Ucapan Datuk Musa itu yang mula ditimbulkan oleh dua orang ahli Parlimen penyokong kerajaan dalam sidang Dewan Rakyat hari Khamis, telah menimbulkan bantahan di kalangan para pemimpin politik.

Dalam ucapan itu, Datuk Musa antara lain mendakwa Perdana Menteri membuat keputusan untuk mengadakan pilihanraya lebih awal dari

yang dijadualkan dalam tahun 1991 sebelum berlepas ke Eropah dan Amerika baru-baru ini.

Menurutnya, jika Datuk Sri Dr. Mahathir mengesyaki beliau akan kalah, beliau akan mencipta kecacauan untuk membolehkankannya mengisytihar pemerintahan darurat.

Beliau juga mendakwa Parti MCA membantah cadangan itu dan sedang mengkaji semula peranannya dalam kerajaan serta presidennya Datuk Dr. Ling Liong Sik mengambil cuti tanpa gaji dari kabinet kerana dukacita atas kegagalan kerajaan melaksanakan janji-janji pilihanraya kepada masyarakat Cina.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, "kita berpendapat bahawa kenyataan Datuk Musa di Hong Kong tidak berasas sama sekali. Kita merasa du-

kacita kerana kenyataan ini boleh membawa kesan buruk kepada iklim pelaburan dalam negara.

"Dengan mengatakan satu pilihanraya mengejut akan diadakan dalam jangka masa setahun, maka ini akan timbulkan kegelisahan di kalangan para pelabur dan para peniaga selama setahun.

"Ini tidak menolong untuk meningkatkan prestasi ekonomi negara."

Katanya, Majlis Tertinggi UMNO (baru) menganggap kenyataan ini sebagai "nakal" dan tidak sepatutnya dibuat oleh seseorang yang bertanggungjawab terhadap negaranya sendiri.

"Kita mengambil perhatian berat terhadap kenyataan yang dibuat dengan sengaja ini," ujarinya.

Beliau menambah, "tuduhan bahawa pihak tertentu akan sengaja mencetuskan huru-hara untuk isytihar pemerintahan darurat adalah tidak berasas dan nakal."

Ditanya sama ada beliau menafikan sebahagian atau seluruh ucapan Datuk Musa, Perdana Menteri berkata beliau hanya menjawab perkara-perkara yang diketahuinya seperti pilihanraya mengejut, darurat dan lain-lain.

"Saya tidak tahu se-

mua apa yang beliau kata," ujarinya.

Mengenai dakwaan MCA hendak keluar Barisan, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata pihak MCA sendiri telah menafikan ia ada niat seumpama itu.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengambil tindakan ke atas Datuk Musa kerana membuat dakwaan berkenaan,

beliau berkata, "kita adalah sebuah negara demokrasi di mana semua orang boleh menyuarakan pendapat mereka.

"Tidak ada tindakan akan diambil, hanya kita kecewa kalau ada orang yang tidak mengutamakan kepentingan negara, tidak memberi gambaran tepat hingga pelaburan," katanya.